

23/07/1998

Kempen membaca perlu guna strategi baru

GERAKAN kempen membaca tahun ini yang akan dilancarkan bulan depan perlu menggunakan pendekatan dan strategi baru, termasuk peranan dan kerjasama media massa, bagi memastikan matlamatnya tercapai.

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), A Aziz Deraman, berkata pembabitan media massa, terutama media cetak perlu untuk membolehkan kempen itu sampai kepada masyarakat bagi mengukuh dan membina tabiat baru.

Beliau mengesyorkan supaya semua pemilik media cetak terbabit menggiatkan kempen itu menerusi media masing-masing.

"Sudah sewajarnya syarikat terbabit turut memberi sumbangan dalam kempen menggalakkan budaya membaca kerana akhirnya mereka juga akan mendapat manfaat daripada tabiat membaca yang diamalkan masyarakat.

"Selain menyiarkan iklan, media massa juga boleh mewujudkan halaman khusus sepanjang kempen Bulan Membaca untuk menonjolkan tokoh dalam pelbagai bidang yang memang kuat membaca supaya dicontohi orang ramai.

"Ini termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya.

Setiap tahun, kerajaan mengisytiharkan Ogos sebagai Bulan Membaca sejajar dengan hasrat untuk menggalakkan tabiat dan budaya membaca di kalangan masyarakat.

A Aziz berkata, kempen secara besar-besaran dan meluas meliputi penggunaan halaman media massa perlu supaya masyarakat menyedari kewujudannya.

Beliau mengakui selama ini ramai anggota masyarakat kurang menyedari sambutan Bulan Membaca kerana tiada kempen meluas atau tidak sampai ke peringkat bawah.

"Kempen yang bertujuan baik untuk menanamkan tabiat murni seperti ini di kalangan masyarakat memang perlu dilakukan secara meluas sama seperti kempen pilihan raya supaya wujud suasana untuk mengingatkan masyarakat mengenai kepentingan budaya membaca.

"Dengan itu, barulah saranan supaya ibu bapa memperuntukkan RM40 hingga RM50 sebulan untuk membeli bahan bacaan di rumah akan dapat dicapai," katanya.

Sebelum ini, A Aziz pernah menyarankan supaya ibu bapa berbuat demikian supaya sudut bacaan dapat diwujudkan di dalam rumah bagi menyemai tabiat dan budaya membaca di kalangan generasi muda.

Menurutnya, masyarakat masih belum boleh berpuas hati dengan tabiat membaca yang diamalkan sekarang kerana jumlah pembaca serta pengedaran majalah dan akhbar yang ada di pasaran tidak mencerminkan jumlah sebenar penduduk yang ada.

"Apatah lagi untuk mengharap orang ramai membeli buku berbentuk pengetahuan. Jika tabiat membaca di kalangan masyarakat adalah tinggi, sudah tentu akhbar harian boleh dijual melebihi setengah juta naskhah sehari manakala buku pengetahuan pula boleh dijual melebihi 5,000 naskhah bagi satu judul," katanya.

(END)